

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**19 DISEMBER 2013**

---

**1. UCAPAN TERIMA KASIH**

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis-Ahli Majlis 2013 yang telah banyak bekerjasama dalam memberi pandangan dan cadangan bersama pihak pengurusan bagi membantu pihak pengurusan menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang untuk penduduk di Seberang Perai sepanjang tahun 2013.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan-rakan MPSP, JKKK, Persatuan Penduduk, NGO's, CBO's dan semua penduduk Seberang Perai atas kerjasama dengan MPSP.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Rakan Media diatas kerjasama anda memberi liputan tentang aktiviti dan program-program MPSP. Saya berharap supaya semua kerjasama yang erat ini berkekalan untuk tahun-tahun akan datang.

**2. PENCAPAIAN MPSP BAGI TAHUN 2013**

Sempena dengan Mesyuarat Majlis Penuh yang terakhir bagi tahun 2013, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa sepanjang tahun 2013, MPSP telah

berjaya memperolehi beberapa anugerah di peringkat negeri dan kebangsaan seperti berikut:

- Mendapat Sijil Pejabat Hijau Pulau Pinang dari Penang Green Council
- Mendapat Sijil Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau melalui Penyediaan Kebun Kejiranan dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Mendapat Johan dalam Pertandingan Tandas Bersih (Kategori Jabatan Kerajaan)
- Mendapat Sijil OHSAS 18001:2007 diperolehi oleh MPSP pada tahun 2013 dan sah dalam tempoh 3 tahun
- Melanjutkan Persijilan ISO 14001:2004 diperolehi sejak 2006 dan persijilan sah sehingga 2015
- Melanjutkan Persijilan ISO 9001:2008 diperolehi oleh MPSP sejak 1999 dan persijilan sah sehingga 2014 oleh SIRIM

Disini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua-ketua Jabatan dan semua kakitangan di atas kejayaan ini dan MPSP akan terus berusaha maju ke hadapan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk Seberang Perai.

### **3. LAPORAN PENCAPAIAN FOKUS MPSP 2013**

Pada awal tahun 2013, MPSP telah melancarkan Fokus MPSP 2013 dan pencapaian pelaksanaan Fokus MPSP 2013 dari bulan Januari hingga akhir November 2013 adalah sebanyak 85.18%. Peratus pencapaian mengikut Fokus adalah seperti berikut:

<b>FOKUS MPSP 2013</b>	<b>PERATUSAN PENCAPAIAN</b>
Fokus 1: Persekutaran Bersih	84.36 %
Fokus 2: Mitigasi Banjir	79.67 %
Fokus 3: Penyertaan Dan Kesejahteraan Komuniti	103.02 %
Fokus 4 : Pengindahan dan Penghijauan	66.66 %
Fokus 5: Penguatkuasaan Bersepadu	100.00 %
Fokus 6: Pengukuhan Keupayaan Kewangan	90.28 %
Fokus 7: Pembinaan Kapasiti	72.29 %

MPSP juga akan melancarkan Fokus MPSP 2014 pada Januari 2014 untuk memberi kesinambungan kepada Fokus MPSP 2013. Kita lihat hasil dari pencapaian ini, banyak peluang-peluang untuk penambahbaikan lagi bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan MPSP.

#### **4. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU DAN CABUTAN BERTUAH TAHUN 2014**

Sukacita di sini sekali lagi saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu 2014 sedang berjalan dan akan tamat pada 31 Disember 2013.

Sebanyak **50,000** buku kupon letak kereta (kupon jam) percuma telah disediakan bagi tahun 2013 sebagai cenderamata kepada pembayar cukai yang layak. Sehingga 11 Disember 2013, jumlah cenderamata yang telah dituntut adalah sebanyak **26,400** buku

dan baki kupon letak kereta yang masih ada adalah sebanyak **23,600** buku.

Sehubungan dengan itu, saya dengan ini menyeru kepada semua pemilik premis yang masih belum membuat bayaran cukai pintu tahun 2014 berserta tunggakan jika ada, agar segera membuat bayaran bagi melayakkan anda menerima cenderamata serta terpilih untuk cabutan bertuah. Stok cenderamata adalah terhad.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

## **5. ISU LATIHAN PENGENDALI MAKANAN**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengenakan syarat untuk penjaja dan pengendali makanan di premis untuk menghadiri Kursus Asas Pengendalian Makanan sebagai syarat untuk lesen diluluskan.

Baru-baru ini timbul kekeliruan tentang kesahihan syarat kursus Pengendalian Makanan untuk permohonan lesen penjaja dan premis makanan kepada MPSP.

Kebanyakan penjaja keliru tentang syarat kursus ini dalam beberapa perkara iaitu :

- i) Adakah sijil kursus yang dikendalikan MPSP atau sekolah latihan Pengendali Makanan sebelum tahun 2009 boleh digunakan peniaga untuk memohon lesen baru atau memperbaharui lesen?
- ii) Adakah MPSP tidak memperbaharui lesen sekiranya penjaja tidak mendapatkan sijil kursus pengendalian makanan selepas tahun 2009?
- iii) Adakah penjaja perlu ikuti kursus ulangan sekiranya telah hadir kursus anjuran MPSP atau mana-mana sekolah Latihan sebelum tahun 2009?

Sebagai penjelasannya, MPSP menerima **semua** sijil kursus pengendalian makanan yang dikeluarkan MPSP sendiri atau mana-mana sekolah yang diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia untuk permohonan lesen di MPSP.

MPSP juga akan memperbaharui lesen tanpa pihak penjaja perlu mengikuti kursus ulangan atau ringkasnya Kursus ini hanya perlu diikuti sekali sahaja dan sijilnya sah sepanjang hayat.

## 6. **SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Atas sokongan dan permintaan ramai dari penduduk Seberang Perai dan untuk mewujudkan warga Seberang Perai yang lebih sihat Program Senamrobik Bersama MPSP akan terus diadakan di Taman Tunku pada hari Ahad 5 Januari 2014. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, pada 19 Januari 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 26 Januari 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan

adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**7. MAJLIS PERASMIAN PASAR AWAM SRI BANDAR,  
BUTTERWORTH**

Pasar Awam Sri Bandar, Butterworth telah dinaiktaraf dengan perbelanjaan sebanyak RM1,894,674.55. Majlis Perasmian Pasar Awam Sri Bandar ini akan diadakan pada 21 Disember 2013 yang akan disempurnakan oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Disini, saya ingin menjemput semua Ahli Majlis, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan untuk hadir bersama bagi memeriahkan majlis perasmian ini.

**8. SELAMAT MENYAMBUT HARI KRISMAS DAN SELAMAT  
TAHUN BARU 2014**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas bagi warga MPSP yang menganut agama Kristian dan juga kepada seluruh penganut agama Kristian di Pulau Pinang yang akan disambut pada 25 Disember 2013 dan Selamat menyambut Tahun Baru 2014.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**